

GALA BAHASA 2021 - TERMA DAN SYARAT

1.0 OBJEKTIF

Gala Bahasa PPBLT 2021 merupakan satu pertandingan untuk menggalakkan pelajar USM menghasilkan tugas yang berkualiti dan menghantarkan tugas tepat pada masa yang telah ditetapkan oleh pensyarah/guru dan tugas yang terbaik akan diberikan hadiah.

2.0 PENYERTAAN

- 2.1 Penyertaan ialah secara automatik dan tidak melibatkan sebarang yuran. Sekiranya pelajar tidak mahu tugas disenarai pendek untuk pengadilan, pelajar boleh memaklumi guru kelas masing-masing.
- 2.2 Kursus-kursus yang terlibat ialah kursus pada tahap kemahiran sahaja, iaitu LKM, LMT, LSP, LHP, LDN dan semua kursus bahasa asing (opsyen dan minor).
- 2.3 Kursus tersebut perlu mempunyai sekurang-kurangnya 25 pelajar untuk layak dipertimbangkan.
- 2.4 Ketua Peringkat (KP) setiap kursus akan memilih SATU (1) tugas yang sesuai untuk dijadikan penyertaan pertandingan. Contohnya: *Individual Oral Presentation* (LSP401)
- 2.5 Semua tugas/penyertaan yang dihantarkan perlulah karya asli. Memandangkan penyertaan ini sebahagian tugas kerja kursus, maka penyertaan yang diterima tidak akan dihebahkan / dipaparkan kepada umum.

3.0 MEKANISME PERTANDINGAN

- 3.1 Guru setiap kelas perlu memilih SATU (1) tugas terbaik dan memberikan penyertaan/tugas tersebut kepada KP Kursus.
- 3.2 KP dan Penolong Ketua Peringkat (PKP) setiap kursus perlu mengumpulkan semua penyertaan untuk diadili. KP dan PKP kemudiannya akan memilih 3 penyertaan/tugas terbaik. Contoh: Sekiranya terdapat 50 kumpulan LMT100, maka KP dan PKP LMT100 akan menerima 50 video *Individual Oral Presentation* untuk diadili.
- 3.3 Sekiranya kursus tersebut hanya ada satu (1) atau dua (2) kumpulan, tetapi masih mencapai minimum 25 pelajar, maka ketiga-tiga pemenang akan dipilih dari 1 atau 2 kumpulan tersebut.
- 3.4 Untuk kursus-kursus sepunya di Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan, pemilihan penyertaan terbaik juga dilakukan di kampus masing-masing dan kemudiannya dihantarkan kepada KP kursus di Kampus Induk.
- 3.5 KP dan KPK akan hanya memohon butiran pelajar sekiranya mereka memenangi hadiah dan tidak akan digunakan bagi tujuan lain.

4.0 HADIAH

KATEGORI	HADIAH
Juara	RM50.00
Naib Juara	RM30.00
Tempat ketiga	RM20.00

* Setiap kursus yang layak (minima 25 pelajar ke atas) akan ada TIGA (3) pemenang.
* Semua pemenang akan dimaklumkan melalui emel atau/dan telefon bimbit.

5.0 TARIKH-TARIKH PENTING

- 5.1. Tarikh akhir penghantaran penyertaan kepada guru kelas bergantung pada ketetapan penghantaran tugas mengikut setiap kursus.
- 5.2. Tarikh akhir penghantaran TIGA (3) penyertaan terbaik kepada penganjur adalah pada **30 Julai 2021 (Selasa)**.
- 5.3. Tarikh pengumuman pemenang adalah pada bulan **Ogos 2021**

*Keputusan penganjur adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Untuk sebarang pertanyaan, boleh hubungi staf di bawah:

En. Azril Ali : azril@usm.my

Pn. Ayuni Akhiar : ayuni@usm.my

Pn. Nor Fazliyation Abdul Kadir : elly@usm.my

Pn. Sharifah Nur Hamizah Syed Fesal : sharifahamizah@usm.my